



31 Mac 2021  
31 March 2021  
P.U. (A) 153

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN  
(PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL) 2021

*TOURISM TAX (DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER)  
REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN  
(PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL) 2021

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN

2. Permohonan untuk pendaftaran
3. Pemberitahuan pendaftaran
4. Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir pemberi perkhidmatan platform digital

BAHAGIAN III  
NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

5. Pengeluaran nota kredit dan nota debit

BAHAGIAN IV  
 PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK

6. Cara mengemukakan penyata
7. Pembayaran cukai pelancongan, penalti dsb.
8. Cara menuntut pembayaran balik
9. Pembetulan kesilapan

**BAHAGIAN V**  
**PERKHIDMATAN ELEKTRONIK**

Peraturan

10. Tafsiran
11. Penggunaan perkhidmatan elektronik
12. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
13. Kesilapan menggunakan perkhidmatan elektronik
14. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

**BAHAGIAN VI**  
**PELBAGAI**

15. Waktu pengemukaan penyata dan pembayaran
16. Borang

**JADUAL**

AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN  
(PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFROM DIGITAL) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 70(2)(f) Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital) 2021.**
- (2) Bahagian II dan V, dan peraturan 16 dan 17 Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2021.
- (3) Bahagian III, IV dan VI kecuali peraturan 16 dan 17 Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN

**Permohonan untuk pendaftaran**

2. (1) Mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital yang memberikan apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan tempahan premis penginapan dalam talian kepada seseorang pelancong hendaklah memohon untuk berdaftar di bawah subseksyen 20C(1) atau (3) Akta dalam Borang TTx-01A.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

### **Pemberitahuan pendaftaran**

3. Seseorang pemberi perkhidmatan platform digital yang diluluskan permohonannya bagi pendaftaran hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Ketua Pengarah dan diberikan suatu nombor pendaftaran.

### **Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir pemberi perkhidmatan platform digital**

4. (1) Mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan kastam secara bertulis apabila terdapat apa-apa perubahan—

(a) nama perniagaan;

(b) alamat mana-mana tempat perniagaan;

(c) status perniagaan; atau

(d) orang yang diberi kuasa atau butir-butir orang yang diberi kuasa.

(2) Pegawai kanan kastam hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III  
NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

**Pengeluaran nota kredit dan nota debit**

5. (1) Seseorang pemberi perkhidmatan platform digital hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit atau nota debit jika, selepas penyata telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat perubahan dalam amaun cukai pelancongan—

(a) disebabkan perubahan pada kadar cukai pelancongan yang berkuat kuasa di bawah seksyen 8 Akta; atau

(b) disebabkan apa-apa pelarasan dalam perjalanan perniagaan.

(2) Jika terdapat perubahan dalam amaun cukai pelancongan di bawah subperaturan (1)—

(a) pemberi perkhidmatan platform digital hendaklah membuat pelarasan dalam penyata bagi tempoh bercukai nota kredit atau nota debit dikeluarkan; atau

(b) dalam hal pemberi perkhidmatan platform digital telah berhenti menjadi pemberi perkhidmatan platform digital, dia hendaklah membuat pelarasan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir yang dalam tempoh tersebut dia ialah seorang pemberi perkhidmatan platform digital.

(3) Nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) perkataan “nota kredit” atau “nota debit” di tempat yang mudah dilihat;

- (b) nombor siri nota kredit atau nota debit;
  - (c) tarikh nota kredit atau nota debit dikeluarkan;
  - (d) nama, alamat dan nombor pendaftaran cukai pelancongan pemberi perkhidmatan platform digital;
  - (e) sebab nota kredit atau nota debit dikeluarkan;
  - (f) bilangan penginapan dan malam bagi setiap penginapan yang disediakan;
  - (g) jumlah bayaran penginapan yang disediakan tidak termasuk cukai pelancongan;
  - (h) kadar dan amaun cukai pelancongan; dan
  - (i) nombor dan tarikh invois asal.
- (4) Mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

#### BAHAGIAN IV PENYATA, PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK

##### **Cara mengemukakan penyata**

6. (1) Tiap-tiap pemberi perkhidmatan platform digital hendaklah mengemukakan penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 20I(1) Akta dalam Borang TTx-03A.
- (2) Semua butir yang dikehendaki dalam Borang TTx-03A hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

(3) Suatu penyata yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik dan hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

**Pembayaran cukai pelancongan atau penalti**

7. (1) Pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah melalui perbankan elektronik atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran itu diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), tiada apa-apa penalti akan dikenakan jika pembayaran cukai pelancongan dibuktikan telah dibuat oleh pemberi perkhidmatan platform digital sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 20I Akta.

(4) Apa-apa pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar yang diterima dan dikreditkan di bawah subperaturan (2) hendaklah tidak mengambil kira kadar pertukaran wang asing pada masa ia diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(5) Jumlah amaun cukai pelancongan yang kena dibayar dalam penyata hendaklah diisytiharkan dalam Ringgit Malaysia.

### **Cara menuntut pembayaran balik**

8. (1) Seseorang pemberi perkhidmatan platform digital yang layak menuntut pembayaran balik di bawah seksyen 21 atau seksyen 22 Akta hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dalam Borang TTx-04A.

(2) Suatu permohonan bagi pembayaran balik di bawah seksyen 21 Akta hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari tarikh peremitan diberikan dan hendaklah disokong dengan apa-apa keterangan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

### **Pembetulan kesilapan**

9. Jika mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital membuat suatu kesilapan dalam mana-mana penyata yang dikemukakan di bawah Akta, pemberi perkhidmatan platform digital itu boleh membetulkan kesilapan tersebut dengan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

## BAHAGIAN V

### PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

### **Tafsiran**

10. Dalam Bahagian ini, "kod pengesahan" ertiya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, suatu kata laluan atau apa-apa kaedah atau tatacara pengesahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh pemberi perkhidmatan platform digital itu.

### **Penggunaan perkhidmatan elektronik**

11. (1) Ketua Pengarah boleh, bagi tujuan penggunaan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 62 Akta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, memberikan kepada mana-mana orang—

- (a) suatu kod pengesahan; dan
  - (b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik.
- (2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan pengguna berdaftar itu—
- (a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan itu;
  - (b) hendaklah memastikan kod pengesahannya dirahsiakan; dan
  - (c) tidak boleh mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.
- (3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi pemfailan, pengemukaan atau penyerahan jika notis itu dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

#### **Cara menggunakan perkhidmatan elektronik**

12. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh menyampaikan apa-apa notis kepada seorang pengguna berdaftar dengan menghantar notis itu melalui perkhidmatan elektronik kepada akaun pengguna berdaftar itu.
- (2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Peraturan-Peraturan ini difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai itu adalah tidak terpakai.

(3) Seseorang pengguna berdaftar boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang sebagai orang diberi kuasa untuk membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar oleh orang yang diberi kuasa bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara di dalamnya.

(5) Melainkan jika seseorang pengguna berdaftar mampu mengemukakan keterangan yang berlawanan, sesuatu notis elektronik hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat oleh pengguna berdaftar itu, jika notis elektronik itu dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar—

(a) dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar itu; dan

(b) sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan

### **Kesilapan dalam menggunakan perkhidmatan elektronik**

13. (1) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, pengguna berdaftar itu hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam suatu tempoh masa yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu di bawah peraturan ini mengikut apa-apa cara dan dalam masa yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatacanda untuk mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(4) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik yang dihantar oleh pengguna berdaftar itu hendaklah tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh pengguna berdaftar itu.

**Penamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar**

14. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu jika pengguna berdaftar itu—

- (a) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;
- (b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau
- (c) memberitahu Ketua Pengarah untuk membatalkan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan elektronik yang diberikan kepadanya.

**BAHAGIAN VI**

**PELBAGAI**

**Waktu pengemukaan penyata dan pembayaran**

15. (1) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar melalui perbankan elektronik, waktu biasa hendaklah dari

7.30 pagi hingga 11.30 malam waktu standard Malaysia (UTC/GMT + 8 jam) pada mana-mana hari dalam minggu itu.

(2) Jika mana-mana penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar diterima di luar waktu biasa, waktu penerimaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar tersebut hendaklah dianggap diterima pada hari yang berikutnya.

**Borang**

16. (1) Borang dalam Jadual ditetapkan bagi kegunaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang yang membuat pengakuan dalam mana-mana borang di bawah subperaturan (1) hendaklah memberikan maklumat yang benar dan lengkap.

**JADUAL**  
**BORANG TTX-01A**

	<b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA</b> <b>ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT</b> <b>PERMOHONAN PENDAFTARAN PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL</b> <b>APPLICATION FOR DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER REGISTRATION</b>	TTX-01A
<p><b>Nota Penting. Important Notes.</b></p> <p>1) Sila rujuk TTX-01A Panduan Mengisi Borang Pendaftaran. Please refer to TTX-01A Registration Form Guidelines.  2) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi. Column with (*) is a mandatory field.</p>		
<b>BAHAGIAN A : BUTIRAN PERNIAGAAN</b> <b>PART A : DETAILS OF BUSINESS</b>		
1) No. Pendaftaran Perniagaan* <i>Business Registration No.*</i>  2) Nama Perdagangan * <i>Trading Name *</i>  3) Nama dan Alamat Perniagaan Berdaftar * <i>Name and Registered Business Address *</i>  4) Alamat Surat Menyurat * <i>Correspondence Address *</i> (Tidak perlu diisi sekiranya sama seperti butiran 3) (Not required to be filled if same as item 3)  5) No. Telefon * <i>Telephone No.*</i> 6) No. Faks <i>Fax No.</i> 7) Orang Yang Boleh Dihubungi * <i>Contact Person *</i> 8) Alamat website* <i>Website Address*</i> 9) Alamat Email Perniagaan* <i>Business Email Address*</i>	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>  <input type="text"/> Bandar <i>(Town)</i> <input type="text"/> Poskod /Zipcode <i>(Postcode/Zipcode)</i> <input type="text"/> Kod Negeri <i>(State Code)</i>  <input type="text"/> <input type="text"/> Bandar <i>(Town)</i> <input type="text"/> Poskod <i>(Postcode)</i> <input type="text"/> Kod Negeri <i>(State Code)</i>  <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> 	
<b>BAHAGIAN B : BUTIRAN PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL</b> <b>PART B : DETAILS OF PLATFORM DIGITAL SERVICE PROVIDER</b>		
10) Tarikh Mula Beroperasi Di Malaysia <i>Date Begins Operation in Malaysia</i>	<input type="text"/>	
HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)		

TTx-01A											
<b>BAHAGIAN C : AKUAN</b> <b>PART C : DECLARATION</b>											
<p>Saya, mengaku bahawa maklumat dinyatakan dalam borang ini dan dokumen sokongan disertakan (jika ada) adalah benar dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis diserahkan kepada saya melalui perkhidmatan elektronik.  <i>I, hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents attached (if any) are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.</i></p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">11) Nama Pemohon * <i>Name of Applicant *</i></td> <td style="width: 50%;"><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>12) No. Kad Pengenalan * / No. Pasport * <i>Identity Card No. * / Passport No. *</i></td> <td><input type="text"/> 13) Warganegara * <i>Nationality *</i> <input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>14) Alamat Emel * <i>Email Address *</i></td> <td><input type="text"/></td> </tr> <tr> <td>15) No. Telefon * <i>Telephone No. *</i></td> <td>i) Pejabat <input type="text"/> 16) Tarikh * <i>Office</i> <input type="text"/> ii) No. Mobile <input type="text"/>  <i>Mobile No.</i> <input type="text"/> HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)</td> </tr> <tr> <td>17) Tandatangan * <i>Signature *</i></td> <td><input type="text"/></td> </tr> </table>		11) Nama Pemohon * <i>Name of Applicant *</i>	<input type="text"/>	12) No. Kad Pengenalan * / No. Pasport * <i>Identity Card No. * / Passport No. *</i>	<input type="text"/> 13) Warganegara * <i>Nationality *</i> <input type="text"/>	14) Alamat Emel * <i>Email Address *</i>	<input type="text"/>	15) No. Telefon * <i>Telephone No. *</i>	i) Pejabat <input type="text"/> 16) Tarikh * <i>Office</i> <input type="text"/> ii) No. Mobile <input type="text"/> <i>Mobile No.</i> <input type="text"/> HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)	17) Tandatangan * <i>Signature *</i>	<input type="text"/>
11) Nama Pemohon * <i>Name of Applicant *</i>	<input type="text"/>										
12) No. Kad Pengenalan * / No. Pasport * <i>Identity Card No. * / Passport No. *</i>	<input type="text"/> 13) Warganegara * <i>Nationality *</i> <input type="text"/>										
14) Alamat Emel * <i>Email Address *</i>	<input type="text"/>										
15) No. Telefon * <i>Telephone No. *</i>	i) Pejabat <input type="text"/> 16) Tarikh * <i>Office</i> <input type="text"/> ii) No. Mobile <input type="text"/> <i>Mobile No.</i> <input type="text"/> HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)										
17) Tandatangan * <i>Signature *</i>	<input type="text"/>										
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b> <b>FOR OFFICE USE ONLY</b>											
18) Tarikh Diterima * <i>Date Received *</i>  <input type="text"/> HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)	19) No. Akuan Terima * <i>Acknowledgement Receipt No. *</i> <input type="text"/>										

## BORANG TTx-03A

	<b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT</b> <b>PENYATA PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL</b> <b>DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER RETURN</b>	TTx-03A  No.Ruj TTx-03A : TTx-03A Ref.No.:						
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: 100%;"> <p><b>Nota Penting. Important Notes.</b></p> <p>1) Sila rujuk TTx-03A Panduan Mengisi Borang Penyata. Please refer to TTx-03A Return Form Guidelines.  2) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi. Column with (*) is a mandatory field.  3) Sekiranya mengikrar nilai sifar, sila isi angka "0". If declaring a zero amount, please fill in "0".</p> </div>								
<input type="checkbox"/> <b>Pindaan</b> <i>Amendment</i>								
<b>BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL</b> <b>PART A: DETAILS OF DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER</b>								
1) No. TTx.* <i>TTx. No.*</i> <input type="text"/>								
2) Nama Perniagaan dan alamat* <i>Name and address of Business*</i> <input type="text"/>								
<b>BAHAGIAN B: BUTIRAN PENYATA</b> <b>PART B: DETAILS OF RETURN</b>								
3) Tempoh Bercukai * <span style="float: right;">Tarikh Mula <i>Start Date</i> <input type="text"/></span> <span style="float: right;">Tarikh Akhir <i>End Date</i> <input type="text"/></span> <i>Taxable Period *</i> <span style="float: right;">HH/DD – BB/MM – TTTT/YYYY</span> <span style="float: right;">HH/DD – BB/MM – TTTT/YYYY</span>								
4) Tarikh Akhir Serahan Penyata dan Bayaran* <input type="text"/> <i>Return Submission and Payment Due Date*</i>								
5) (a) Cukai Pelancongan* <i>Tourism Tax*</i> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(i) Kadar* Rate *</td> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(ii) Jumlah Bilik/Malam Dalam Tempoh Bercukai* Total No. of Room per Night In Taxable Period*</td> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(iii) Cukai Kena Dibayar* <i>Tax Payable* [(i) X (ii)] (RM/MYR)</i></td> </tr> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </table>			(i) Kadar* Rate *	(ii) Jumlah Bilik/Malam Dalam Tempoh Bercukai* Total No. of Room per Night In Taxable Period*	(iii) Cukai Kena Dibayar* <i>Tax Payable* [(i) X (ii)] (RM/MYR)</i>			
(i) Kadar* Rate *	(ii) Jumlah Bilik/Malam Dalam Tempoh Bercukai* Total No. of Room per Night In Taxable Period*	(iii) Cukai Kena Dibayar* <i>Tax Payable* [(i) X (ii)] (RM/MYR)</i>						
(b) Nilai Cukai Ke Atas Pelarasan <i>Tax Value On Adjustments</i> <table border="0" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(i) Nota Debit/Pelarasan Debit Lain <i>Debit Note/Other Debit Adjustments</i></td> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(+ RM/MYR <input type="text"/></td> </tr> <tr> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(ii) Nota Kredit/Pelarasan Kredit Lain <i>Credit Note/Other Credit Adjustments</i></td> <td style="width: 33%; padding: 5px;">(-) RM/MYR <input type="text"/></td> </tr> </table>			(i) Nota Debit/Pelarasan Debit Lain <i>Debit Note/Other Debit Adjustments</i>	(+ RM/MYR <input type="text"/>	(ii) Nota Kredit/Pelarasan Kredit Lain <i>Credit Note/Other Credit Adjustments</i>	(-) RM/MYR <input type="text"/>		
(i) Nota Debit/Pelarasan Debit Lain <i>Debit Note/Other Debit Adjustments</i>	(+ RM/MYR <input type="text"/>							
(ii) Nota Kredit/Pelarasan Kredit Lain <i>Credit Note/Other Credit Adjustments</i>	(-) RM/MYR <input type="text"/>							
6) Jumlah Cukai Kena Dibayar* <i>Total Tax Payable *</i> <input type="text"/> Item 5(a)(iii) + Item 5(b)(i) - Item 5(b)(ii)*								

	TTx-03A
<b>BAHAGIAN C: MAKLUMAT TAMBAHAN</b> <b>PART C: ADDITIONAL INFORMATION</b>	
<p>7) Cukai Yang Dikecualikan <i>Tax Exempted</i></p>	RM <input type="text"/>
<b>BAHAGIAN D: AKUAN</b> <b>PART D: DECLARATION</b>	
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat dinyatakan dalam borang ini adalah benar, dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis diserahkan kepada saya melalui perkhidmatan elektronik.</p> <p><i>I, hereby declare that the information stated in the form are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.</i></p>	
8) Nama Orang Yang Ikrar* <i>Name of Declarant*</i>	<input type="text"/>
9) Nombor Kad Pengenalan/Pasport* <i>Identity Card Number/Passport No.*</i>	<input type="text"/>
10) Warganegara* <i>Nationality*</i>	<input type="text"/>
11) Tarikh* <i>Date*</i>	<input type="text"/> HH(DD) – BB(MM) – TTTT (YYYY)
12) Tandatangan* <i>Signature*</i>	<input type="text"/>
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b> <b>FOR OFFICE USE ONLY</b>	
14) Tarikh Diterima* <i>Date Received *</i>	<input type="text"/>
15) No. Akuan Terima* <i>Acknowledgement Receipt No.*</i>	<input type="text"/>

## BORANG TTx-04A

	<b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT PEMBAYARAN BALIK CUKAI PELANCONGAN TOURISM TAX REFUND</b>	TTx-04A  No.Ruj. TTx-04A : TTx-04A Ref. No.:						
<p><b>Nota Penting / Important Notes</b></p> <p>1) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi. Column with (*) is a mandatory field.  2) Sila tandakan (X) dalam petak yang berkenaan. Please tick (X) accordingly.  3) Satu permohonan adalah layak untuk satu jenis tuntutan pembayaran balik sahaja. An application is eligible for one type of refund only.  4) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau emel <a href="mailto:ccc@customs.gov.my">ccc@customs.gov.my</a> untuk pertanyaan lanjut. Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email <a href="mailto:ccc@customs.gov.my">ccc@customs.gov.my</a> for further enquiry.</p>								
<b>BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL PART A: DETAILS OF DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER</b>								
1) No. TTx* TTx No.* <input type="text"/>								
2) Nama Perniagaan* Name of Business* <input type="text"/>								
<b>BAHAGIAN B : BUTIRAN PEMBAYARAN BALIK PART B: DETAILS OF REFUND</b>								
3) Jenis Pembayaran Balik* Refund Type* <input type="checkbox"/> Peremitan Remission <input type="checkbox"/> Terlebih bayar Overpaid <input type="checkbox"/> Tersilap bayar Erroneously paid <input type="checkbox"/> Lain-lain Others Sila Nyatakan : ..... Please specify								
4) Maklumat Tuntutan* Claim Details* <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;">No. Rujukan TTx-03A TTx-03A Reference No.</th> <th style="width: 33%;">Sebab tuntutan Reason of Claim</th> <th style="width: 33%;">Pengiraan tuntutan Calculation of Claim</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>			No. Rujukan TTx-03A TTx-03A Reference No.	Sebab tuntutan Reason of Claim	Pengiraan tuntutan Calculation of Claim			
No. Rujukan TTx-03A TTx-03A Reference No.	Sebab tuntutan Reason of Claim	Pengiraan tuntutan Calculation of Claim						
5) Tempoh bercukai Taxable Period* <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%;">Tarikh Mula Start Date</td> <td style="width: 33%;">HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)</td> <td style="width: 33%;">Tarikh Akhir End Date</td> <td style="width: 33%;">HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)</td> </tr> </table>			Tarikh Mula Start Date	HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)	Tarikh Akhir End Date	HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)		
Tarikh Mula Start Date	HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)	Tarikh Akhir End Date	HH (DD) - BB (MM) - TTTT (YYYY)					
6) Jumlah Cukai Telah Dibayar (RM)* Total Tax Paid (MYR)* <input type="text"/>								
7) Jumlah Amaun Cukai Yang Dituntut (RM)* Total Tax Amount Claimable (MYR)* <input type="text"/>								
8) Nombor Resit Pembayaran* Payment Receipt No.* <input type="text"/>								

TTx-04A				
<b>BAHAGIAN C: BUTIRAN PERBANKAN</b> <b>PART C: DETAILS OF BANK</b>				
9) Jenis Bank Akaun* <i>Bank Account Type*</i>	Semasa <i>Current</i>	<input type="checkbox"/>	Simpanan <i>Saving</i>	<input type="checkbox"/>
10) Nombor Akaun Bank Pemberi Perkhidmatan Platform Digital* <i>Digital Platform Service Provider's Bank Account No.*</i>				
11) Nama Pemegang Akaun* <i>Account Holder Name*</i>				
12) Nama Bank* <i>Bank Name*</i>				
13) Alamat Bank* <i>Bank Address*</i>				
Bandar <i>Town</i>				
Poskod <i>Postcode/Zip code</i>				
Negeri <i>State</i>				
14) Kod SWIFT Bank* <i>Bank SWIFT Code*</i>				
15) Sila Lampirkan Bersama Bukti Akaun Bank <i>Please attached together the proof of your bank account</i>				
<b>BAHAGIAN D: PERAKUAN</b> <b>PART D: DECLARATION</b>				
16) Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis diserahkan kepada saya melalui perkhidmatan elektronik. <i>I hereby declare that the information stated in the form are true and complete and agree any notice to be served to me through electronic service.</i>				
17) Nama Orang Diberi Kuasa* <i>Name of Authorized Person*</i>				
18) Nombor Kad Pengenalan/Pasport* <i>Identity Card/Passport No.*</i>				
19) Tarikh* <i>Date*</i>	20) Tandatangan* <i>Signature*</i>	<input type="text"/>		

Dibuat 31 Mac 2021  
[MOF.TAX(S)700-1/3/17 Jld.3; PN(PU2)745/II]

**TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ**  
*Menteri Kewangan*

TOURISM TAX (DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER) REGULATIONS 2021

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I  
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II  
REGISTRATION

2. Application for registration
3. Notification of registration
4. Notification of changes on particulars of digital platform service provider

PART III  
CREDIT NOTE AND DEBIT NOTE

5. Issuance of credit note and debit note

PART IV  
RETURN, PAYMENT AND REFUND

6. Manner of furnishing return
7. Payment of service tax, penalty etc.
8. Manner of claiming refund
9. Correction of errors

**PART V**  
**ELECTRONIC SERVICES**

**Regulation**

10. Interpretation
11. Use of electronic services
12. Manner in using electronic services
13. Error in using electronic services
14. Termination of the provision of electronic services to the registered user

**PART VI**  
**MISCELLANEOUS**

15. Hours for submission of return and payment
16. Forms

**SCHEDULE**

TOURISM TAX ACT 2017

TOURISM TAX (DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 70(2)(f) of the Tourism Tax Act 2017 [Act 791], the Minister makes the following regulations:

PART I  
PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Tax (Digital Platform Service Provider) Regulations 2021**.

(2) Parts II and V, and regulations 16 and 17 of these Regulations come into operation on 1 April 2021.

(3) Parts III, IV and VI except for regulations 16 and 17 of these Regulations come into operation on 1 July 2021.

PART II  
REGISTRATION

**Application for registration**

2. (1) Any digital platform service provider who provides service relating to online booking accommodation premises to a tourist shall apply to be registered under subsection 20C(1) or (3) of the Act in Form TTx-01A.

(2) Every application for registration under subregulation (1) shall be submitted to the Director General through electronic service.

**Notification of registration**

3. A digital platform service provider whose application approved for registration shall be notified in writing by the Director General and assigned with a registration number.

**Notification of changes on particulars of digital platform service provider**

4. (1) Any digital platform service provider shall immediately notify the senior officer of customs in writing when there is any change—

- (a) in the name of the business;
- (b) in the address of any place of business;
- (c) in the status of the business; or
- (d) of the authorized person or details of authorized person.

(2) The senior officer of customs shall record the changes so notified.

(3) Any digital platform service provider who contravenes subregulation (1) commits an offence.

PART III  
CREDIT NOTE AND DEBIT NOTE

**Issuance of credit note and debit note**

5. (1) A digital platform service provider shall issue a credit note or debit note where, after the return has been furnished to the Director General, there is a change in the amount of tourism tax—

- (a) due to a change in the rate of tourism tax in force under section 8 of the Act;  
or

- (b) due to any adjustment in the course of business.
- (2) Where there is a change in the amount of tax under subregulation(1)—
- (a) the digital platform service provider shall make the adjustment in the return for the taxable period in which the credit note or debit note is issued; or
